

26/09/1998

Dasar IMF penyebab syarikat muflis

KUALA LUMPUR, Jumaat - Dasar Bank Negara Malaysia (Bank Negara) sebelum ini menakrifkan pinjaman tidak berbayar (NPL) daripada enam bulan kepada tiga bulan menyebabkan banyak syarikat muflis, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dasar yang dipengaruhi Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) itu menyebabkan syarikat-syarikat gagal membayar balik pinjaman dan ditambah pula kadar faedah efektif yang pernah mencecah 24 peratus berbanding keadaan biasa sekitar lapan peratus.

Menurutnya, dengan memendekkan penakrifan NPL kepada tiga bulan itu, banyak hutang yang mungkin akan dibayar dalam tempoh ditetapkan, didapati sudah menjadi hutang gagal dibayar.

"Bila tidak berbayar (NPL), syarikat tidak boleh pinjam lagi dari bank. Tambahan pula kalau syarikat itu mempunyai hutang dengan dua tiga bank, kalau didapati mempunyai NPL dengan satu bank, maka bank yang lain yang dia bayar hutang pun dianggap sebagai NPL.

"Ini satu daripada peraturan yang dibuat oleh Bank Negara dahulu. Dengan itu banyaklah peniaga menghadapi masalah untuk mendapat kredit untuk membiayai perniagaan mereka dan mereka juga tidak boleh membayar hutang daripada aliran tunai mereka dan tidak boleh membuat panggilan margin daripada bank.

"Dengan itu, mereka tidak boleh hutang sama sekali," katanya yang juga Menteri Kewangan Pertama di majlis perasmian Pameran dan Persidangan Francais Malaysia 1998, di sini hari ini.

Selasa lalu, Bank Negara yang diketuai oleh Gabenornya yang baru, Tan Sri Abul Hassan Sulaiman, menarik balik peraturan gagasan IMF itu seperti keadaan asal dengan menakrifkan semula tempoh NPL kepada enam bulan daripada tiga bulan.

Bank pusat itu turut melonggarkan beberapa peraturan perbankan untuk merangsangkan pasaran saham sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi. Ini termasuk menurunkan pembiayaan saham yang dihadkan kepada 20 peratus daripada 15 peratus dan menarik semula keperluan bagi peruntukan pinjaman lapuk.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan melaksanakan lebih banyak langkah untuk meletakkan ekonomi negara pada kedudukan yang lebih kukuh, walaupun tanda pemulihan sudah mula kelihatan.

Tanpa menyebut langkah terbaru itu, beliau berkata ekonomi semakin pulih dan perniagaan tidak lagi menghadapi tekanan.

"Eksport sudah melebihi RM26 bilion dan kita berjaya mengurangkan import dan ini meletakkan kita pada kedudukan lebihan imbalan pembayaran," katanya.

Menurut beliau, negara sekarang mempunyai rizab pertukaran asing yang mencukupi bagi membayar hutang luarnya.

"Keadaan sekarang stabil terutama dengan ringgit ditetapkan pada RM3.80 dan dengan penurunan kadar faedah. Tiada lagi kegawatan ekonomi ataupun ketidakpastian di negara ini," katanya.

Dalam suasana sedemikian, beliau meminta masyarakat perniagaan membuat perancangan perniagaan masing-masing.

Sambil berkata bahawa kegawatan kewangan telahpun berkurangan kepada tahap yang lebih mudah diurus, beliau mengaitkan kejayaan menangani kegawatan ekonomi kepada langkah kawalan modal yang diambil awal bulan ini.

"Mudah tunai dalam sistem perbankan telah meningkat dan sebahagian masalahnya diatasi berikutan kepulangan dana ringgit dari luar negara," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia tidak memencilkan diri seperti mana yang disalah anggap oleh beberapa pihak memandangkan kawalan tukaran mata wang yang dilaksanakan pada 1 September lalu, tetapi "kita menguruskan ekonomi bagi faedah kita".

"Kita tidak membenarkan orang lain menguruskan kita, ini akan membinasakan kita," katanya.

Beliau berkata, langkah yang dibuat kerajaan sekarang termasuk menetapkan nilai ringgit adalah bagi merangsang ekonomi.

(END)